

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<p><u>Lynas dituntut bawa keluar sisa buangan</u></p> <p>Kerajaan menuntut janji Lynas Corporation (Australia) dan Lynas Malaysia untuk membawa keluar residu, iaitu sisa buangan dari negara ini. Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, berkata kedua-dua syarikat itu sudah menyatakan komitmen untuk membawa keluar sisa buangan itu menerusi surat aku janji bertarikh 23 Februari 2012 dan 6 Mac 2012.</p>	Berita Harian	Rujuk lampiran 1
2.	<p><u>Honour your commitment, Yeo tells Lynas</u></p> <p>The management of Lynas should honour its commitment to remove its water leach purification (WLP) residue from Malaysia, says Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin.</p>	The Star	Klik pada tajuk berita
3.	<p><u>Kos eksport sisa buangan Lynas hanya AUD14j, kata menteri</u></p> <p>Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin berkata, berdasarkan laporan Australian Financial Review minggu lepas, sebahagian besar kos mengeksport sisa buangan itu iaitu AUD46 juta boleh dituntut melalui insurans syarikat pelombong nadir bumi itu.</p>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
4.	<p><u>Kos eksport sisa buangan Lynas RM42 juta - Yeo Bee Yin</u></p> <p>Kos bagi Lynas Corporation Ltd (Lynas) membawa keluar residu (sisa buangan) Water Leached Purification Residue (WLP) dari Malaysia, hanya melibatkan AUS\$14 juta (kira-kira RM42 juta), kata Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin.</p>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita



5.	<p><u>Lynas trying to protect bottom line, says Yeo</u></p> <p>Australian rare-earths miner Lynas Corp Ltd's attempt to combat Malaysia's call to remove its radioactive waste from Malaysia or risk being shut down is merely an effort to protect its bottom line and avoid fulfilling its commitment to the Malaysian government, Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change (MESTECC) Minister Yeo Bee Yin (picture) said.</p>	The Malaysian Reserve	Klik pada tajuk berita
6.	<p><u>Make public hearings a must for forest reserve de-gazettements</u></p> <p>We also urge Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Minister, Yeo Bee Yin and Water, Land and Natural Resources Minister, Dr Xavier Jayakumar to work hand-in-hand with state legislators to strengthen legislation to protect our natural resources and environment and ensure that amendments are passed in all the states and by Parliament.</p>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
7.	<p><u>Cuaca lembap sehingga 16 Disember ini</u></p> <p>Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan notis amaran cuaca peringkat jingga dan kuning di beberapa negeri seperti Terengganu, Pahang, Kelantan dan Johor Bharu bermula hari ini hingga esok.</p>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
8.	<p><u>Hujan berterusan di Terengganu, Pahang sehingga esok</u></p> <p>Hujan lebat dijangka berterusan di beberapa kawasan di Terengganu dan Pahang sehingga esok, menurut Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia.</p>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
9.	<p><u>Hujan lebat berterusan, Kuantan mula banjir</u></p> <p>Jabatan Meteorologi Malaysia semalam mengeluarkan amaran hujan lebat berterusan dijangka melanda beberapa negeri di Semenanjung dan Sarawak sehingga Ahad ini.</p>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita



10.	<p><u>PLUS launches country's first solar EV charging station</u></p> <p>It was built at a cost of RM450,000 in collaboration with Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) and the United Nations Industrial Development Organisation, through the Global Environment Facility.</p>	News Strait Times	Klik pada tajuk berita
11.	<p><u>Stesen pengecas kenderaan elektrik guna solar pertama dilancar</u></p> <p>Stesen pengecas tersebut yang bernilai RM450,000 menggunakan tenaga solar sepenuhnya dan boleh digunakan secara percuma untuk pengguna kenderaan elektrik yang menghala ke arah selatan.</p>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
12.	<p><u>Family of five at shelter due to floods</u></p> <p>The Meteorological Department on Wednesday issued a warning of continuous heavy rain in several states in the peninsula and Sarawak until Sunday.</p>	The Sun	Rujuk lampiran 2
13.	<p><u>Hujan lebat dijangka berterusan</u></p> <p>Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan notis amaran cuaca peringkat jingga dan kuning di beberapa negeri seperti Terengganu, Pahang, Kelantan, Johor Bharu bermula semalam sehingga hari ini.</p>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 3
14.	<p><u>Terengganu, Pahang mula banjir</u></p> <p>Kelmarin Jabatan Meteorologi Malaysia telah mengeluarkan amaran hujan lebat berterusan dijangka melanda beberapa negeri di Semenanjung dan Sarawak sehingga Ahad ini.</p>	Kosmo!	Rujuk lampiran 4
15.	<p><u>Plus akan buka 5 lagi stesen pengecas EV</u></p> <p>Ia dibina dengan kerjasama Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) dan Organisasi Pembangunan Industri Bangsa – Bangsa Bersatu menerusi dana daripada Global Environment Facility.</p>	Kosmo!	Rujuk lampiran 5



16.	<p><u>5 lagi stesen pengecas solar</u></p> <p>Syarikat pengendali lebuhraya, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dengan kerjasama Malaysia Green Technology Corporation (MGTC) akan mewujudkan lagi lima stesen mengecas kenderaan elektrik menggunakan tenaga solar di laluan utama lebuhraya negara ini menjelang 2020.</p>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 6
17	<p><u>Mudahkan pengguna kenderaan elektrik</u></p> <p>PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dengan kerjasama Malaysia Green Technology Corporation (MGTC) semalam melancarkan stesen pertama mengecas kenderaan elektrik menggunakan tenaga solar.</p>	Harian Metro	Rujuk lampiran 7

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
18.	<p><u>Lynas taruh harapan Malaysia bangunkan nadir bumi</u></p> <p>Lynas Malaysia Sdn.Bhd.(Lynas) menaruh harapan agar kerajaan memberi kerjasama dalam membangunkan Malaysia menjadi hab nadir bumi yang disegani dan dibangakan</p>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 8
19.	<p><u>Lynas plans to stay</u></p> <p>Lynas Malaysia will continue with efforts to ensure its rare earth plant in Gebeng here is allowed to continue its operation, said its deputy president.</p>	The Sun	Rujuk lampiran 9
20.	<p><u>Towards a new era in innovation</u></p> <p>He also said Malaysia's response to the call for digital transformation in the trade sector and related services was the Malaysian National Industry 4.0 policy launched by Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad on Oct 31.</p>	The Star	Klik pada tajuk berita



21.	<p><u>Malaysia sees the need for good compliance practice</u></p> <p>“Bank Negara, in my opinion, has been very wise. It has gone a step further to also look at innovation and bringing in processes that exceed the way it (compliance) was carried out in other jurisdictions.</p>	The Star	Klik pada tajuk berita
22.	<p><u>UMP invents WREHAB device, making physiotherapists job easier</u></p> <p>Idris said the innovation will help physiotherapists perform wrist rehabilitation or exercises on patients especially stroke patients and those undergoing other therapy for the wrist. He said the job of a physiotherapist will now become much easier and more patients could be treated at the same time.</p>	News Strait Times	Klik pada tajuk berita
23.	<p><u>LED there be connectivity</u></p> <p>Focusing its innovation on the Internet of Things (IoT), Philips Lighting offers LiFi-enabled luminaires from its existing lighting portfolio, giving users broadband Internet connection and quality illumination at the same time.</p>	News Strait Times	Klik pada tajuk berita
24.	<p><u>Automobili Pininfarina’s electric hypercar finally gets name</u></p> <p>A new all-electric, potentially world record-breaking hypercar is on its way, and on Tuesday the official title was revealed: the Battista, a nod to Battista ‘Pinin’ Farina, founder of coachbuilding company Carrozzeria Pininfarina which first debuted back in 1930.</p>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
25.	<p><u>PM Wants Malaysia To Start Producing B20 Biodiesel By 2020</u></p> <p>Speaking at the launch of the B10 biodiesel programme for the transportation sector earlier this week, the Prime Minister noted that Indonesia has surpassed Malaysia as the largest palm oil producer and that it has already introduced B20 biodiesel (a blend of 20% palm methyl ester and 80% petroleum diesel) in 2016 on its transportation sector.</p>	Carlist Automotive News	Klik pada tajuk berita

26.	<p><u>NAP 2019 tumpu tiga teras utama</u></p> <p>Beliau berkata, teras utama dalam NAP 2019 itu adalah kenderaan generasi baru, perkhidmatan aset mobiliti dan Revolusi Perindustri 4.0 (Industri 4.0) yang mana ia akan merangkumkan seluruh ekosistem automotif.</p>	Metro	Klik pada tajuk berita
27.	<p><u>Banjir: Hampir 1,000 dipindahkan di Terengganu</u></p> <p>Mangsa banjir di Terengganu terus meningkat kepada 950 orang daripada 327 keluarga setakat jam 11 malam ini, berbanding 749 mangsa daripada 258 keluarga, jam 6 petang tadi. Semua mangsa ditempatkan di 16 pusat pemindahan sementara (PPS) di tiga daerah iaitu Setiu, Kemaman dan Hulu Terengganu.</p>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
28.	<p><u>Kuantan dilanda banjir, penduduk diminta berwaspada</u></p> <p>Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah mengingatkan rakyat terutama kanak-kanak supaya menjaga keselamatan pada musim tengkujuh dan tidak bermain air bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku.</p>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
29.	<p><u>Banjir, lebih 200 penduduk Kemaman dipindah</u></p> <p>Hujan berterusan menyebabkan beberapa kawasan di daerah ini dinaiki air menyebabkan seramai 233 penduduk daripada 56 keluarga berada di pusat pemindahan bermula awal pagi tadi.</p>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
30.	<p><u>Alor Gajah sekali lagi dilanda banjir kilat</u></p> <p>Bandar ini sekali lagi dilanda banjir kilat malam tadi yang setakat pagi ini menyebabkan 17 mangsa banjir daripada empat keluarga dipindahkan ke Balai Raya Taman Seri Bayu, di sini.</p>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
31.	<p><u>Ahli Majlis PBT perlu dekati rakyat</u></p> <p>Antara yang utama ialah untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan berkualiti,</p>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita



	membangunkan tanah, mengadakan kepelbagaian jenis perumahan mampu milik, dan menggalakkan pembangunan setempat berteraskan Dasar Teknologi Hijau Negara (DTHN).		
32.	<p><u>Concern over Selangor's plans to build incinerator</u></p> <p>HE Kuala Lumpur Tak Nak Insinerator (KTI) group is against the Selangor government's plan to develop a waste-to-energy plant costing more than RM1bil. KTI suggested more sustainable alternatives and questioned the agreement between state-linked company Worldwide Holdings Bhd and China-based Western Power Clean Energy Sdn Bhd.</p>	The Star	Klik pada tajuk berita
33.	<p><u>Development plan for Malaysia Vision Valley 2.0 unveiled for the first time</u></p> <p>As master developer of MVV 2.0, Sime Darby Property plans to develop a high-technology and industrial park within the development, the first of six projects identified under the first phase.</p>	The Edge Market	Klik pada tajuk berita

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
34.	<p><u>New cruise ship will feature world's 1st at-sea roller coaster</u></p> <p>After bumper cars, indoor skydiving, laser tag and surf simulators, the next innovation to up the ante in cruise ship developments will be a Carnival Cruise Line's full-scale roller coaster, planned for the company's newest ship Mardi Gras.</p>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
35.	<p><u>The need for renewable energy cooperation</u></p> <p>In October, the United Nations (UN) released a report which highlighted that the world could be on the brink of a climate change disaster if immediate measures are not taken. Leading scientists behind the report have said that the <u>world only has 12 years</u> to keep global warming at a maximum of 1.5 degrees Celsius or it could face a risk of severe drought, flooding and extreme heat for millions of people.</p>	The Asean Post	Klik pada tajuk berita
36.	<p><u>Climate risk report warns of falling Norwegian offshore values</u></p> <p>Oslo, a key climate report commissioned by the Norwegian government warned that climate change could hurt the value of its remaining oil resources and even make pumping oil more dangerous due to extreme weather.</p>	The Star	Rujuk lampiran 10

LAMPIRAN 1
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 58
TARIKH: 14 DISEMBER 2018 (JUMAAT)

Lynas dituntut bawa keluar sisa buangan

→ Syarikat tandatangani surat aku janji: Menteri

Oleh Mohamad Azim Fitri
Abd Aziz
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan menuntut janji Lynas Corporation Ltd, Australia (Lynas Australia) dan Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas Malaysia) untuk membawa keluar residu, iaitu sisa buangan dari negara ini.

Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin, berkata kedua-

dua syarikat itu sudah menyatakan komitmen untuk membawa keluar sisa buangan itu menerusi surat aku janji bertarikh 23 Februari 2012 dan 6 Mac 2012.

"Lynas Australia dan Lynas Malaysia sudah menandatangani surat aku janji sebanyak dua kali untuk mengeluarkan residu dari Malaysia.

"Saya tidak meminta lebih dari apa yang dijanjikan pada 2012. Lynas Malaysia perlu menunaikan janji dan bersungguh-sungguh dengan memulakan proses penghantaran keluar," katanya dalam sebuah portal berita, semalam.

Bee Yin berkata, terdapat dua residu utama terkumpul di Lynas Advanced Materials Plan (LAMP), iaitu Water Leached Purification Residue (WLP) sebanyak 451,564 tan metrik dan Neutralization Underflow Residue (NUF) sebanyak 1.113 juta tan.



Yeo Bee Yin

"Bahan sisa itu terkumpul di tapak penstoran sementara dengan kaedah pembuangan terbuka. Ia mengundang risiko berbahaya terhadap masyarakat sekeliling dan juga alam sekitar," katanya.

Soal kos bukan isu

Beliau juga menegaskan, soal kos penghantaran keluar bahan sisa itu dari Malaysia tidaklah menjadi isu kerana ia hanya membabitkan

kira-kira 10 peratus daripada keuntungan Lynas.

Katanya, mengikut laporan *Australian Financial Review* minggu lepas, kos membawa keluar residu hanya RM42.3 juta kerana sebahagian besar kos ini RM139 juta boleh dituntut melalui insurans mereka.

"Berbanding untung syarikat bagi tahun 2017-2018 mencecah RM390 juta, (kos membawa keluar sisa) hanya 10 peratus daripada keuntungan Lynas. Jika kiraan ini tepat, bermakna 10 peratus daripada untung Lynas bagi operasi setahun yang lepas sudah mampu menghantar balik sisa terkumpul dalam enam tahun operasi" katanya.

Terdahulu, Bee Yin memaklumkan beliau tidak dapat menerima memorandum daripada kakitangan Lynas, baru-baru ini kerana berada di Poland, menghadiri Persidangan Mengenai Perubahan Cuaca Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sementara itu, di **Kuantan**, warga kerja Lynas Corporation Ltd (Lynas) akan terus berjuang dan berusaha memastikan kilang memproses nadir bumi di Kawasan Perindustrian Gebeng, dekat sini, tidak dihentikan operasinya.

Timbalan Presiden Modal Insan dan Komuniti Lynas, Mimi Afzan Afza, berkata kira-kira 645 pekerja tetap dan 1,000 pekerja kontrak akan berusaha, terutama memberi kefahaman kepada kerajaan dan masyarakat bahawa kilang mereka bukan satu ancaman.

"Kita sudah serahkan memorandum di luar Bangunan Parlimen yang mana ia turut disampaikan untuk perhatian Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Menteri Luar Datuk Saifuddin Abdullah," katanya.

LAMPIRAN 2
 THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 8
 TARIKH: 14 DISEMBER 2018 (JUMAAT)



Tunku Azizah (second from left) visiting the flood victims yesterday. - **BERNAMAPIX**

Family of five at shelter due to floods

KUANTAN: Heavy rain since Wednesday evening has caused flooding in low-lying areas in the Kuantan district, forcing five members of a family in Kampung Baru, Cherating to be evacuated.

Kuantan district police chief ACP Mohamad Noor Yusof Ali, when contacted, said the five evacuees were at a

relief centre in Sekolah Kebangsaan Cherating. The Tengku Puan of Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, visited the victims yesterday.

The Meteorological Department on Wednesday issued a warning of continuous heavy rain in several states in the peninsula and Sarawak

until Sunday.

Areas that will be affected are Tumpat, Pasir Mas, Kota Baru, Bachok, Machang and Pasir Puteh in Kelantan; Terengganu; Kuantan, Pekan and Rompin in Pahang; Mersing and Kota Tinggi in Johor, and Kuching, Samarahan, Serian, Betong, Sarikei, Sibu and Mukah in Sarawak. - Bernama

LAMPIRAN 3
SINAR HARIAN (SETEMPAT): MUKA SURAT 36
TARIKH: 14 DISEMBER 2018 (JUMAAT)

Hujan lebat dijangka berterusan

KUALA TERENGGANU - Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan notis amaran cuaca peringkat jingga dan kuning di beberapa negeri seperti Terengganu, Pahang, Kelantan dan Johor Bharu bermula semalam sehingga hari ini.

Jabatan itu dalam kenyataannya semalam melaporkan, angin timuran dari Lautan Pasifik Barat masih lagi bertiup kencang secara konsisten ke arah negeri-negeri Pantai Timur terutamanya Terengganu.

Keadaan cuaca itu dijangka lembap sehingga 16 Disember 2018.

Hujan lebat peringkat jingga juga dijangka berterusan sehingga hari ini di Terengganu iaitu di kawasan Kuala Nerus, Hulu Terengganu, Kuala Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman manakala di Pahang meliputi daerah Pekan dan Rompin.

Sementara itu, hujan lebat peringkat kuning pula dijangka berlaku di Terengga-

nu melibatkan daerah Besut dan Setiu manakala Kelantan di Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh.

Di Pahang kawasan terlibat ialah Jerantut dan Maran serta Johor di Mersing dan Kota Tinggi.

Dalam masa sama, jabatan itu turut mengeluarkan kenyataan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama dan kedua.

Angin kencang Timur Laut kategori kedua dijangka berlaku di kawasan perairan Samui dan utara Condore pada Selasa, 11 Disember sehingga Ahad, 16 Disember 2018.

Manakala angin kencang Timur Laut kategori pertama dijangka berlaku di kawasan perairan Tioman, selatan Condore, utara Bunguran, barat laut Reef South, Reef South, Layang-layang, barat Palawan, Kelantan, Terengganu dan Pahang pada 11 Disember hingga Ahad ini.



LAMPIRAN 4
KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 14
TARIKH: 14 DISEMBER 2018 (JUMAAT)



SEORANG kanak-kanak melintasi khemah untuk mangsa banjir di pusat pemindahan sementara Darul Iman Training Center di Kuala Terengganu semalam.



PENDUDUK Kampung Cherating, Abdul Razak Awang Nгах bersama ahli keluarganya memindahkan barang selepas rumah mereka ditenggelami banjir semalam.



TENGGU Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah (dua dari kiri) beramah mesra dengan mangsa banjir di Cherating, Kuantan semalam.

774 orang dipindahkan ekoran beberapa daerah mula dinaiki air sejak kelmarin

Terengganu, Pahang mula banjir

KUALA TERENGGANU – Beberapa daerah di Terengganu dilanda banjir sejak malam kelmarin mengakibatkan 669 orang terpaksa dipindahkan.

Setiu menjadi daerah pertama dilanda bencana itu selepas air dikesan mula menaiki kawasan kediaman penduduk sejak malam kelmarin, manakala dua lagi daerah iaitu Kemaman dan Hulu Terengganu pula dilanda banjir bermula semalam.

Sehingga semalam, sebanyak

14 pusat pemindahan sementara dibuka di tiga daerah berkenaan iaitu 10 di Hulu Terengganu dan masing-masing dua di Kemaman dan Setiu.

Berdasarkan maklumat terkini yang dimuat naik di portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat, Hulu Terengganu merekodkan jumlah mangsa banjir tertinggi iaitu 411 orang diikuti Kemaman (224 orang) dan Setiu (84 orang).

Jabatan Pengairan dan Saliran

negeri turut melaporkan paras air sungai di beberapa daerah juga masih melepasi paras bahaya dan sebahagiannya melebihi paras amaran.

Empat sungai di Terengganu yang telah melepasi paras bahaya ialah Sungai Besut di Jambatan Keruak sedalam 36.75 meter (m), Sungai Nerus di Kampung Langkap (21.35m), Sungai Berang di Kampung Mennerong (24.58m) dan Sungai Telomong di Kuala Ping (21.06m).

Sementara itu, di Pahang pula, lima keluarga dari Kampung Baru Cherating, Kuantan menjadi mangsa pertama dipindahkan selepas kediaman mereka dinaiki air.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Mohamad Noor Yusof Ali berkata, hujan lebat yang berterusan sejak petang kelmarin menyebabkan kawasan rendah di daerah itu mula dinaiki air.

"Kedudukan rumah mangsa

yang terletak berhampiran kawasan paya menyebabkan air mudah melimpah.

"Keluarga berkenaan kini ditempatkan ke Sekolah Kebangsaan Cherating pada pukul 9 pagi tadi (semalam) sementara menunggu air surut," katanya.

Kelmarin **Jabatan Meteorologi Malaysia** telah mengeluarkan amaran hujan lebat berterusan dijangka melanda beberapa negeri di Semenanjung dan Sarawak sehingga Ahad ini.



LAMPIRAN 5
KOSMO! (NIAGA): MUKA SURAT 46
TARIKH: 14 DISEMBER 2018 (JUMAAT)

PLUS bakal buka 5 lagi stesen pengecas EV

MELAKA - PLUS Malaysia Bhd. (PLUS) bercadang untuk membina lima lagi stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) berasaskan solar di kawasan rehat dan rawat di Lebuhraya Utara-Selatan.

Pengarah Urusan PLUS, Datuk Azman Ismail berkata, lima buah stesen baharu itu akan dibina secara berperingkat dan ia dijangka siap menjelang awal tahun 2020.

Lokasi yang dikenal pasti ialah di Pagoh (arah selatan), Tapah (arah selatan), Dengkil (arah selatan), Gunung Semangol (arah utara) dan

Seremban (arah utara).

"Kami juga mempunyai perancangan untuk membina stesen tersebut di semua kawasan rehat dan rawat yang lain.

"Namun ia bergantung kepada sambutan pengguna dan faktor dana yang ada kerana pembinaan sebuah stesen melibatkan kos yang agak tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran stesen pengecas EV berasaskan solar di Restoran Jejantas Ayer Keroh Lebuhraya Utara-Selatan (arah selatan) di sini.

Stesen pertama berasaskan

solar di negara ini boleh digunakan secara percuma kepada pengguna, dan ia akan memberi manfaat kepada pengguna EV dan Plug-In Hybrid (PHEV).

Mengulas lanjut, Azman menerangkan, stesen yang bernilai RM450,000 itu telah mula beroperasi pada Mei lalu.

Ia dibina dengan kerjasama Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) dan Organisasi Pembangunan Industri Bangsa-Bangsa Bersatu menerusi dana daripada Global Environment Facility.

Menurutnya, inisiatif tersebut selaras dengan matlamat PLUS



AZMAN (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif MGTC, Syed Ahmad Syed Mustafa menunjukkan demonstrasi penggunaan stesen pengecas EV berasaskan solar di Restoran Jejantas Ayer Keroh Lebuhraya Utara-Selatan, Melaka semalam.

memberi pengalaman perjalanan di lebuhraya yang lebih positif dan kesedaran kepada orang ramai tentang inovasi penggunaan teknologi hijau.

"Kebanyakan stesen pengecas kenderaan EV sedia ada dibina

di kawasan Lembah Klang, melalui inisiatif ini, ia akan dapat membantu pengguna EV serta PHEV mengecas kenderaan mereka sambil menggunakan kemudahan lain yang disediakan di kawasan ini," katanya.

LAMPIRAN 6
UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 39
TARIKH: 14 DISEMBER 2018 (JUMAAT)

5 lagi stesen pengecas solar L 8

MELAKA 13 Dis. - Syarikat pengendali lebuhraya, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dengan kerjasama Malaysia Green Technology Corporation (MGTC) akan mewujudkan lima lagi stesen mengecas kenderaan elektrik menggunakan tenaga solar di laluan utama lebuhraya negara ini menjelang awal 2020.

Kewujudan stesen pengecas kenderaan elektrik menggunakan tenaga solar sepenuhnya itu diberikan secara percuma dan akan memberi kemudahan kepada 60,000 pengguna kenderaan berkuasa elektrik.

Pengarah Urusan PLUS, Datuk Azman Ismail berkata, lima lokasi hentian rehat dan rawat (R&R) yang akan mewujudkan stesen pengecas itu adalah Pagoh arah selatan, Dengkil arah selatan, Gunung Semanggol arah utara, Tapah arah selatan dan Seremban arah utara.

Beliau berkata, setakat ini, kemudahan itu yang melibatkan kos pembinaan sebanyak RM450,000 setiap stesen hanya ada di Restoran Jejantas Ayer Keroh arah selatan ber-


mula Mei lalu.

“Lokasi yang dipilih adalah berdasarkan kepada kesesuaian untuk kenderaan jenis itu yang kerap menggunakan laluan utama lebuhraya di seluruh negara.

“Ia juga merupakan satu daripada inisiatif untuk memperluaskan penggunaan teknologi hijau sekali gus menyokong saranan kerajaan untuk memulihara alam sekitar melalui penggunaan tenaga baharu seperti tenaga solar,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis pelancaran stesen itu di sini hari ini. Yang turut hadir, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MGTC, Syed Ahmad Syed Mustafa.

Sementara itu, Syed Ahmad berkata, MGTC merupakan pengendali utama sistem pengecas kenderaan elektrik di negara ini dan ketika ini terdapat sejumlah 240 buah stesen pengecas kenderaan di seluruh negara termasuk di stesen minyak dan pusat beli-belah.



AZMAN ISMAIL (kiri) dan Syed Ahmad Syed Mustafa mencuba pengecas kenderaan elektrik pertama menggunakan tenaga solar selepas melancarkan stesen pengecas di Restoran Jejantas Ayer Keroh di Melaka, semalam.



LAMPIRAN 7
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 20
TARIKH: 14 DISEMBER 2018 (JUMAAT)



AZMAN (kiri) bersama Syed Ahmad (dua dari kiri) pada majlis pelancaran stesen mengecas kenderaan elektrik menggunakan tenaga solar di Restoran Jejantas Ayer Keroh arah selatan.

Mudahkan pengguna kenderaan elektrik

Alor Gajah: Pengguna kenderaan elektrik dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru, boleh mengecas kenderaan mereka secara percuma di Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan, selepas pengecas elektrik berasaskan tenaga solar ditempatkan di Restoran Jejantas Ayer Keroh, di sini.

PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dengan kerjasama Malaysia Green Technology Corporation (MGTC) semalam melancarkan stesen pertama mengecas kenderaan elektrik menggunakan tenaga solar di Restoran Jejantas Ayer Keroh arah selatan, di sini.

Stesen pengecas yang bernilai RM450,000 menggunakan tenaga solar sepenuhnya itu boleh digunakan secara percuma oleh pengguna kenderaan elektrik menghala ke arah selatan.

Pengarah Urusan PLUS Datuk Azman Ismail ber-

kata, kemudahan itu diperkenal selaras hasrat kerajaan memulihara alam sekitar dan mengamalkan konsep mesra alam.

“Setakat ini, hanya Restoran Jejantas Ayer Keroh dipilih kerana menjadi laluan utama pengguna kenderaan ke selatan dan pihak kami berhasrat menambah lima lagi stesen pengecas solar di lima lokasi dalam tempoh terdekat.

“Dianggarkan 60,000 kenderaan elektrik digunakan di seluruh negara bakal menikmati kemudahan ini dan jika sambutan menggalakkan, kita akan berbin-cang dengan MGTC untuk menambah lagi stesen sebanyak mungkin,” katanya pada sidang media selepas pelancaran stesen itu, di sini.

Hadir sama, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MGTC Syed Ahmad Syed Mustafa.

LAMPIRAN 8
SINAR HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 20
TARIKH: 14 DISEMBER 2018 (JUMAAT)

Lynas taruh harapan Malaysia bangunkan nadir bumi

KUANTAN- Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) menaruh harapan agar kerajaan memberi kerjasama dalam membangunkan Malaysia menjadi hab nadir bumi yang disegani dan boleh dibanggakan.

Naib Presiden Bahagian Modal Insan dan Komunitinya, Mimi Afzan Afza berkata, Malaysia seharusnya mengambil peluang keemasan yang dibawa oleh Lynas kerana nadir bumi mempunyai banyak kegunaannya bagi menjana teknologi terkini dan masa depan

"Lagipun, kilang memproses nadir bumi Lynas di Gebeng merupakan antara kilang yang paling banyak dikaji semula di negara ini dan laporan mengatakan ia beroperasi secara selamat.

"Jadi, mengapa hendak bunuh industri ini? Apa yang kita rayu adalah berkerjasama dengan kami. Jangan sia-siakan kepakaran yang kami ada di Lynas dan gunakan kepakaran yang ramai kita miliki di negara ini," katanya

Beliau berkata demikian ketika ditemui Sinar Harian



Mimi sedang menyarungkan pakaian sekolah kepada pelajar terlibat pada program Kembali Ke Sekolah anjuran syarikat berkenaan di sebuah gedung pakaian, semalam.

pada program Kembali Ke Sekolah anjuran syarikat berkenaan di sebuah gedung pakaian di sini, semalam.

Program yang memasuki tahun kelapan berturut-turut itu memanfaatkan 250 murid dari Balok, Kampung Selamat Pelabuhan, Sungai Ular di sini dan anak-anak pekerja Lynas yang layak untuk menerima sumbangan kelengkapan sekolah.

Sebelum ini, Lynas dilaporkan perlu meneruskan permohonan mereka dengan pihak berkuasa berkaitan di Australia untuk menghantar

balik semua sisanya sebelum tempoh lesen penstoran untuk jenis sisa itu tamat pada September 2019.

Dalam pada itu, Mimi Afzan mempersoalkan mengapa Lynas perlu menghantar balik semua sisanya sedangkan terdapat pilihan lebih baik dan sehingga kini syarikat itu mengikut syarat lesen yang ditetapkan.

Pada masa ini, katanya, Lynas masih dalam proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang mana ia adalah langkah pertama sebelum bertindak membina

tapak pelupusan kekal (PDF) untuk menempatkan sisa radioaktif itu.

"Kita memerlukan masa untuk melakukan R&D. Jika R&D itu tidak berjaya, kemudian baru kita bergerak kepada PDF. Namun untuk membina PDF juga mengambil masa.

"Kalau kita gagal membina PDF, baru sisa dihantar ke luar. Kita masih di fasa pertama, mengapa perlu terus ke fasa akhir (hantar sisa radioaktif ke Australia) sedangkan ia sudah dibincangkan," katanya.

LAMPIRAN 9
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 4
TARIKH: 14 DISEMBER 2018 (JUMAAT)

Lynas plans to **stay**

» 'Waste of talent' to close, says firm

KUANTAN: Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) will continue with efforts to ensure its rare earth plant in Gebeng here is allowed to continue its operation, said its deputy president (Human Capital and Community)

Mimi Afzan Afza Abdullah.

She said the company was prepared to discuss with the relevant parties on suggestions if any for the plant to continue to operate as it would be a big loss to close down the plant since it had trained many locals in rare earth processing.

"Lynas has produced a 645 strong skilled work force capable of conducting research and development in the field.

"Products produced by Lynas factory are used to make high-quality gadgets," she told reporters after attending a Back To School programme, involving 250 children, including orphans, from Beserah, Balok and Sungai Ular at a clothing store here yesterday.

Mimi Afzan Afza hoped the government would take into account the positive contributions by Lynas. - Bernama



LAMPIRAN 10
THE STAR (FOREIGN NEWS): MUKA SURAT 7
TARIKH: 14 DISEMBER 2018 (JUMAAT)

Climate risk report warns of falling Norwegian offshore values

OSLO: A key climate report commissioned by the Norwegian government warned that climate change could hurt the value of its remaining oil resources and even make pumping oil more dangerous due to extreme weather.

"Norway is well placed to manage climate risk, but the implications of major climate change are

potentially severe and challenging to envisage," the commission said.

"An ambitious and effective climate policy is the most important step the Norwegian authorities can take in response to such risk."

The government should set up scenarios for oil, gas and carbon-emission prices and frequent-

ly update them, including one that's in line with the goals of the Paris agreement, according to the commission, which was led by Martin Skancke, an economist and former top bureaucrat at the finance ministry.

In the mandate it gave to the commission, the government explicitly stated it wasn't asking for

recommendations on how to reduce emissions, change tax policy for the oil industry or shift the strategy of the country's massive sovereign wealth fund.

Norway is western Europe's biggest oil and gas producer.

Its politicians, organisations and citizens are increasingly debating the moral and financial implica-

tions of exploring for more oil, especially in the Arctic.

Norway's US\$1 trillion sovereign wealth fund last year asked the government for permission to sell its oil and gas stocks, though it described the proposal as a measure to reduce financial risk exposure and said it was unrelated to climate risk. — Bloomberg